

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans motor anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.



AmAssurance

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Commercial Vehicle 365 Plan ini?

Commercial Vehicle 365 Plan ialah pakej tambahan dengan premium tambahan yang hanya boleh dibeli bersama produk insurans komprehensif kenderaan perdagangan yang ditawarkan oleh kami. Pakej ini memberikan pampasan sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan kepada pemandu yang dibenarkan anda dan/atau atendan akibat kecederaan, ketidakupayaan atau kematian yang disebabkan oleh kejadian kemalangan, ganas, luaran dan dapat dilihat.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM378.00** setahun (termasuk cukai perkhidmatan), anda akan menerima perlindungan **Permit C Pelan 3*** berikut:

Commercial Vehicle 365 Plan pakej anda melindungi:

No	Manfaat-Manfaat	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3*
1	Kematian akibat kemalangan	Tidak berkenaan	RM20,000	RM50,000
2	Hilang upaya kekal	Tidak berkenaan	Sehingga RM20,000	Sehingga RM50,000
3	Perbelanjaan perubatan akibat kemalangan	Tidak berkenaan	Sehingga RM1,000	
4	Elaun ihsan banjir	RM5,000		
5	Elaun ehsan bagi kerugian penuh/menyeluruh / kecurian kereta	Sehingga RM2,000		
6	Perkhidmatan bantuan kerosakan kenderaan dan tunda (Kenderaan berumur 15 tahun dan bawah; 8,000kg dan bawah	Sehingga 150km		
Premium Tahunan (Sebelum Cukai Perkhidmatan)				
Permit A		RM160	RM270	RM450
Permit C		RM140	RM220	RM350

Nota: Manfaat 1 hingga 3 hanya digunakan untuk satu (1) pemandu dan satu (1) atendan sahaja.

Pakej motor anda tidak melindungi*:

- Terpakai untuk manfaat 1 dan 2:
 - a. mencederakan diri sendiri atau sebarang cubaan melakukannya (siuman atau tidak siuman).
 - b. kenderaan tersebut digunakan untuk aktiviti/perniagaan tidak sah atau sebagai pengangkutan yang tidak berlesen.
- Terpakai untuk manfaat 6:
 - a. perkhidmatan di luar had kawasan yang dinyatakan.
 - b. kos pembaikan atau gantian alat dan komponen di bengkel atau pusat perkhidmatan.

**Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk endorsmen polisi untuk maklumat penuh tentang pengecualian di bawah pakej ini.*

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 6333



Layari kami di
www.amassurance.com.my



Emel kami di
customer@amassurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk pakej Commercial Vehicle 365 Plan Permit C Pelan 3 ini, anda mesti membayar premium berikut:	
Premium Kasar	RM350.00
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM28.00
(+) Duti Setem	Tidak berkenaan
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM378.00
Di mana ini termasuk:	
Komisen	10% daripada Premium Kasar atau RM35.00

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Premium ini adalah sah setakat 01/11/2025.



MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA TAHU

A	Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
B	Insurans ini hanya berkuat kuasa selepas premium telah dibayar sepenuhnya (cash before cover).
C	Tiada tambahan duti setem dikenakan dan pakej ini hanya boleh dibeli bersama produk komprehensif kenderaan perdagangan.
D	Perlindungan adalah sehingga dua (2) orang yang diinsuranskan (pemandu dan/atau seorang atendan).
E	Sekiranya berlaku kemalangan, anda perlu memaklumkan kepada kami secepat mungkin. Anda boleh berbuat demikian dengan: • Buat laporan polis untuk segala kejadian. Untuk kemalangan di jalan raya, laporkan kepada pihak polis dalam masa dua puluh empat (24) jam. • Maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari selepas kejadian tersebut. Isikan borang tuntutan dengan lengkap dan kembalikan kepada kami dengan dokumen berkenaan dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh pemberitahuan. • Sila muat turun aplikasi AmAssurance One Touch App untuk berhubung terus dengan kami atau dial 1 800 88 6333 untuk bantuan.
F	Sebarang tuntutan manfaat-manfaat di bawah pakej ini tidak akan menjejaskan kelayakan NCD dan tiada ekses akan dikenakan.
G	Pengembalian semula perlindungan manfaat-manfaat yang disediakan adalah tidak dibenarkan. Commercial Vehicle 365 plan hanya boleh dibeli semula semasa pembaharuan produk komprehensif kenderaan perdagangan.
H	Sila rujuk endorsmen Commercial Vehicle 365 Plan untuk mendapatkan butiran penuh mengenai perlindungan ini.



Bolehkah saya batalkan Commercial Vehicle 365 Plan saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan Commercial Vehicle 365 Plan anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan, anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium Commercial Vehicle 365 Plan sekiranya tiada tuntutan telah dibuat.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi motor.